



BERITA

No: 7

Kemerosotan Ekonomi Berterusan Mempengaruhi Traffic Bagi Bulan Januari

26 Februari 2009 (Geneva) - Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA) mengumumkan keputusan jadual trafik antarabangsa bagi bulan Januari yang menunjukkan penurunan yang semakin jatuh tahun demi tahun.

Permintaan penumpang antarabangsa jatuh sebanyak 5.6% pada Januari 2009 berbanding bulan yang sama pada 2008. Ianya merupakan kejatuhan sebanyak satu peratusan penuh dan lebih teruk lagi berbanding kejatuhan tahunan sebanyak 4.6% yang dicatatkan pada bulan Disember. Penurunan permintaan pada bulan Januari tahun ini merupakan penguncupan bagi tempoh lima bulan berturut-turut.

Penurunan permintaan sebanyak 5.6% bagi penumpang antarabangsa mengatasi pemotongan kapasiti sebanyak 2.0% dan telah meletakkan faktor pengangkutan pada tahap 72.8% -2.8% lebih rendah dari rekod bulan Januari 2008.

Kejatuhan pasaran kargo yang mencemaskan pada bulan Disember (-22.6%) bertambah buruk pada Januari 2009 dengan kejatuhan permintaan tahunan sebanyak 23.2%. Ianya merupakan bulan kelapan berturut-turut di mana berlakunya penguncupan bagi trafik pengangkutan.

"Loceng kecemasan telah berbunyi di merata tempat. Syarikat penerbangan bagi setiap rantau melaporkan penurunan yang drastik bagi kargo udara. Dan, selain dari syarikat penerbangan di Timur Tengah, kesemua rantau yang lain mengalami kejatuhan permintaan penumpang. Industri ini sedang mengalami krisis global dan kita masih belum mencapai dasarnya lagi," kata Giovanni Bisignani, Pengarah Besar dan CEO, IATA.

Penumpang

- **Syarikat Penerbangan Asia** mendahului kejatuhan di dalam permintaan penumpang dengan penurunan tahunan sebanyak 8.4% pada bulan Januari. Walaupun ianya lebih baik sedikit dari penguncupan sebanyak 9.7% pada bulan Disember, kitaran positifnya dibantu oleh cuti Tahun Baru Cina yang jatuh pada penghujung bulan Januari 2009 (bulan Februari tahun sebelumnya). Kapasiti bagi rantau ini menyaksikan penguncupan sebanyak 4.3%. Dengan Jepun, pasaran terbesar bagi penumpang udara, bakal menyaksikan penguncupan ekonomi pada kadar luar biasa sebanyak 5% pada tahun 2009, prospek bagi trafik udara di rantau ini akan kekal merundum.
- **Syarikat Penerbangan Amerika Utara** mencatatkan penurunan penumpang yang kedua terbesar sebanyak 6.2% di dahului oleh syarikat penerbangan Trans-Pasifik. Sebagai langkah tindak balas, syarikat penerbangan tersebut menarik balik sebanyak 2.6% dari

kapasiti penerbangan antarabangsanya dan mengurangkan sebahagian dari program pembangunannya pada 2008.

- **Syarikat Penerbangan Eropah** mengimbangi kejatuhan permintaan dengan mengurangkan sebanyak 3.6% dari kapasitinya. Permintaan yang menjunam sebanyak 2.7% pada bulan Disember menyaksikan ekonomi Eropah bergerak ke arah kemerosotan ekonomi yang lebih teruk.
- **Syarikat Penerbangan Amerika Latin** menyaksikan penurunan yang sedikit iaitu sebanyak 1.4%. Walaupun dengan peningkatan kapasiti hanya sebanyak 0.5%, rantau ini mampu memberikan faktor pengangkutan yang tertinggi sebanyak 74.9%.
- **Syarikat Penerbangan Afrika** menyaksikan permintaan menurun secara perlahan-lahan dengan purata 4.0% pada 2008 kepada 2.6% pada Januari.
- **Rantau Timur Tengah** merupakan satu-satunya rantau yang mencatatkan pertumbuhan trafik positif sebanyak 3.1%. Ini jauh lebih rendah berbanding pertumbuhan trafik dua digit pada 2008 dan pengembangan kapasiti sebanyak 10.8%.

Kargo

- **Syarikat Pengangkutan Asia Pasifik**, yang mewakili sebanyak 43% dari jumlah pasaran, mendahului kadar kejatuhan kargo dengan penurunan tahunan sebanyak 28.1%. Ini di susuli rapat oleh syarikat utama lain dipasaran: **Syarikat Pengangkutan Eropah** (-23.05) dan **Syarikat Pengangkutan Amerika Utara** (-19.3%).
- Walaupun ianya kelihatan lebih stabil berbanding penurunan yang mendadak pada bulan Disember, masih terlalu awal untuk menyatakan bahawa kita telah mencapai dasar bagi kemerosotan pasaran pengangkutan udara. Pengilang masih lagi melupakan inventori mereka dan mengurangkan produksi yang dijangka akan menjerumus kepada kejatuhan bilangan pengangkutan udara dengan lebih teruk.

“Satu-satunya berita baik ialah harga minyak yang kekal rendah berbanding tahun sebelumnya. Tetapi kejatuhan di dalam permintaan penumpang adalah lebih memudaratkan. Industri telah menguncup dengan jumlah pendapatan yang di jangka akan menurun kepada hanya US\$35 billion berbanding US\$500 billion, mencatatkan kerugian sebanyak US\$2.5 billion pada tahun ini sahaja,” kata Bisignani.

“Syarikat penerbangan kekal berada di dalam situasi kritikal, tetapi walaupun terdapat sebahagian dari mereka yang telah memohon bantuan dari kerajaan, kami pula hanya membuat tuntutan yang mudah dari Kerajaan. Pertama, jangan mengenakan cukai yang keterlaluan bagi pembayaran semula kepada industri perbankan. Ini termasuklah perancangan kerajaan UK untuk meningkatkan Cukai Penumpang Udaranya yang bernilai berbillion pound dan juga cukai pelepasan silap arah yang dikenakan oleh Kerajaan Belanda,” kata Bisignani. Pada 2008, walaupun setelah kerajaan mengenakan pengurangan cukai bagi menjana semula pertumbuhan ekonomi, industri syarikat penerbangan masih tetap menanggung bebanan cukai tambahan sebanyak US\$6.9 billion.

“Kedua, berikan syarikat penerbangan komersil kebebasan yang dipandang remeh oleh bidang perniagaan lain. Dengan kedudukan pasaran modal dunia yang berkecamuk, syarat yang membataskan pemilikan syarikat penerbangan merupakan kaedah lapuk dan memberikan bebanan tidak sepatutnya dan boleh di hapuskan. Krisis masa kini mempamerkan akan perlunya perubahan pada struktur industri yang goyah dan rapuh ini,” kata Bisignani, merujuk kepada Agenda IATA untuk memperjuangkan inisiatif Kebebasan.

Hubungi:

Albert Tjoeng

Pengurus

Komunikasi Korporat

Asia Pacific

Tel : +65 64992286 / +65 91723767

Email : tjoenga@iata.org

Nota kepada editor:

- IATA (International Air Transport Association)) mewakili sebahagian dari 230 syarikat penerbangan yang merangkumi 93% dari jadual lalu lintas penerbangan antarabangsa.
- Penerangan terma pengukuran:
 - RPK: *Revenue Passenger Kilometres* mengukur trafik penumpang yang sebenar
 - ASK: *Available Seat Kilometres* mengukur kapasiti penumpang sedia-ada
 - PLF: *Passenger Load Factor* merupakan % ASK yang digunakan. Perbandingan bagi 2007 dan 2006, PLF mencatatkan perbezaan yang terdapat diantara dua tempoh tersebut.
 - FTK: *Freight Tonne Kilometres* mengukur trafik pengangkutan yang sebenar
 - ATK: *Available Tonne Kilometres* mengukur jumlah kapasiti sedia-ada (gabungan penumpang dan kargo)
- Statistik IATA merangkumi jadual trafik udara antarabangsa, trafik tempatan tidak diambil kira.
- Kesemua angka adalah tidak kekal dan mewakili jumlah keseluruhan laporan pada masa penerbitan termasuk anggaran bagi data yang hilang.
- Perkongsian pasaran bagi trafik penumpang antarabangsa serantau mengikut terma RPK adalah: Eropah 32%, Asia Pasifik 32.6%, Amerika Utara 17.5%, Timur Tengah 10.9%, Amerika Latin 5.1%, Afrika 2.0%
- Trafik pasaran pengangkutan antarabangsa serantau yang dikongsi mengikut terma FTK adalah: Aia Pasifik 43%, Eropah 26.3%, Amerika Utara 17.4%, Timur Tengah 10.1%, Amerika Latin 2.3%, Afrika 0.9%